



Ruj.Kami : JBPM/IP/CSM:500(S)-3/4/2 Jld. 12 (**S**)
Tarikh : **21** Mei 2021

Semua YS Pengarah Bahagian,
Semua YS Pengarah JBPM Negeri,
Semua Komandan ABPM

YS Dato'/Tuan,

**PEMBERITAHUAN PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN PERTUKARAN
PEGAWAI BOMBA GRED KB26 DAN KB38 ANTARA NEGERI MELALUI SISTEM
e-PERTUKARAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Permohonan Pertukaran Secara Dalam Talian Pegawai Bomba Gred KB26 dan KB38 Antara Negeri melalui Sistem e-Pertukaran akan dibuka mulai pada **24 Mei 2021 hingga 14 Jun 2021** seperti perincian di **Lampiran B**. Permohonan boleh dibuat dengan mengakses sistem e-Pertukaran melalui laman web Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, <http://app2.bomba.gov.my/epertukaran/>. Selaras dengan itu, **semua permohonan adalah menggunakan sistem e-Pertukaran dan permohonan pertukaran secara manual tidak akan diproses.**
3. Bagi memastikan urusan ini berjalan lancar, kerjasama YS Dato'/Tuan juga dimohon untuk memastikan permohonan yang dikemukakan menepati **Syarat-syarat Permohonan Pertukaran Pegawai Bomba Antara Negeri** sepertimana yang terkandung di dalam **Lampiran A**. Selain itu, mohon maklumkan pemberitahuan ini kepada semua pegawai di bawah seliaan masing-masing.

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101




CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO: QMS 02101

4. Sekiranya YS Dato'/Tuan mempunyai sebarang kemusykilan atau pertanyaan lanjut, boleh hubungi talian/*helpdesk* , 03-8892 7407 / 03-8892 7745 / 03-8892 7747. Kerjasama dan perhatian pihak YS Dato'/Tuan berhubung dengan perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORLEZA BINTI RAJAB)
Pengarah Pengurusan
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.

- i. YAS Dato' Sri Ts. Ketua Pengarah
- ii. YAS Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- iii. YAS Dato' Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- iv. Timbalan Pengarah Pengurusan (Sumber Manusia)

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PERTUKARAN
PEGAWAI BOMBA ANTARA NEGERI,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)**

1. Permohonan secara atas talian ini dibuka kepada Pegawai Bomba **Gred KB26 dan KB38** sahaja buat masa ini. Sistem e-Pertukaran akan dibuka mulai **24 Mei 2021 hingga 14 Jun 2021**.
2. **Permohonan Pertukaran Pegawai Bomba Gred KB26 dan KB38 Antara Negeri** adalah dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian melalui **Sistem e-Pertukaran <http://app2.bomba.gov.my/epertukaran/>**. Maklumat pemohon hendaklah disemak dan dikemaskini melalui **sistem My APPS: <https://app.bomba.gov.my/>** sebelum permohonan pertukaran dibuat. Kegagalan mengemaskini maklumat dalam sistem My APPS adalah tanggungjawab pemohon dan boleh menyebabkan permohonan pertukaran secara atas talian tidak lengkap dan ianya tidak akan dipertimbangkan.
3. Permohonan pertukaran daripada pegawai di Negeri perlu mendapat **Sokongan I iaitu Timbalan Pengarah Bomba Negeri dan Sokongan II iaitu Pengarah Bomba Negeri**. Manakala permohonan daripada Ibu Pejabat JBPM dan Akademi perlu mendapat sokongan daripada **Pengarah Bahagian atau Komandan** masing-masing sahaja.
4. Pegawai perlu berkhidmat sekurang-kurangnya **4 tahun** di penempatan semasa untuk layak dipertimbangkan pertukaran.
5. Pemohon tidak dibenarkan merujuk kepada Ibu Pejabat JBPM bagi sebarang urusan pertukaran termasuk semakan semula pertukaran sebelum atau selepas keputusan pertukaran diumumkan. **Pemohon hendaklah merujuk ke JBPM Negeri asal pemohon atau JBPM Negeri yang dimohon**.
6. Permohonan pertukaran antara negeri yang diluluskan tidak boleh **DIBATALKAN**. Keputusan adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan dan surat sokongan tidak akan dilayan.
7. Tiada permohonan luar talian atau secara manual mulai tahun 2017. **Semua Permohonan Pertukaran adalah melalui atas talian (online) iaitu melalui Sistem e-Pertukaran**.

**JADUAL PELAKSANAAN PERTUKARAN
PEGAWAI BOMBA GRED KB26 DAN KB38 ANTARA NEGERI
MELALUI SISTEM ePERTUKARAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Permohonan pertukaran Pegawai Bomba Gred KB26 dan KB38 yang layak	24 – 31 Mei 2021
2.	Sokongan I oleh Timbalan Pengarah Bomba Negeri	1 – 7 Jun 2021
3.	Sokongan oleh YS Pengarah Bahagian atau Komandan	8 - 14 Jun 2021
4.	Sokongan II oleh YS Pengarah Bomba Negeri (selepas selesai Sokongan I)	8 - 14 Jun 2021
5.	Penyelarasan data di peringkat Ibu Pejabat	15 – 21 Jun 2021